


SEJARAH - TINGKATAN 3

Malaysia yang Berdaulat



Pengenalan

1. Kerjasama dan persefahaman antara Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Borneo Utara (Sabah) dan Singapura telah berjaya membentuk Persekutuan Malaysia.
2. Walau bagaimanapun, persekutuan Malaysia telah mendapat tentangan dari Indonesia dan Filipina.
3. Tentangan ini merupakan cabaran getir yang dihadapi oleh pemimpin-pemimpin kita serta rakyat keseluruhannya.
4. Tindakan Singapura berpisah dengan Persekutuan Malaysia telah mematangkan rakyat Malaysia dalam usaha mengekalkan sebuah negara Malaysia yang bermaruah dan berdaulat.

Gagasan Persekutuan Malaysia

Idea Pembentukan Persekutuan Malaysia

1. Tunku Abdul Rahman ialah seorang tokoh yang berjaya membebaskan Persekutuan Tanah Melayu daripada belenggu penjajah British.
2. Tindakan beliau selanjutnya adalah untuk membebaskan Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei daripada belenggu penjajah British.
3. Tunku Abdul Rahman seterusnya mengemukakan Gagasan Persekutuan Malaysia, iaitu pencantuman antara Persekutuan Tanah Melayu dengan negeri-negeri berkenaan bagi membentuk sebuah Persekutuan Malaysia.
4. Gagasan Persekutuan Malaysia akhirnya menjadi kenyataan apabila Persekutuan Malaysia diisytiharkan pada 16 September 1963.
5. Kejayaan kita membentuk persekutuan amat mengangumkan negara-negara luar kerana pembentukan tersebut adalah melalui kaedah diplomasi yang sukar dilakukan oleh mana-mana pemimpin lain di dunia ini.

Cadangan Tunku Abdul Rahman

1. Cadangan **Persekutuan Malaysia** telah dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman semasa majlis makan tengah hari **Persatuan wartawan-wartawan Luar Asia Tenggara** di Hotel Adelphi, Singapura pada **27 Mei 1961**.
2. Ucapan Tunku Abdul Rahman tersebut dianggap sebagai suatu idea yang berani tentang penubuhan Persekutuan Malaysia.
3. Pemimpin-pemimpin wilayah seperti Singapura, Borneo Utara, Brunei dan memberi sambutan yang positif tentang idea tersebut.
4. Ekoran daripada ucapan Tunku Abdul Rahman tersebut, pada bulan Julai 1961 Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) ditubuhkan.
5. Peranan JPPM adalah untuk mengadakan rundingan dengan pemimpin wilayah-wilayah yang terlibat sebagai langkah awal ke arah merealisasikan gagasan Malaysia.
6. Seterusnya Gagasan Persekutuan Malaysia mendapat perhatian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mencadangkan pembentukan satu jawatankuasa yang diketuai oleh **Lord Cobbold**.
7. Tiga bulan kemudian, usul tersebut telah dibawa oleh Tunku Abdul Rahman ke Dewan Rakyat.



Matlamat pembentukan Persekutuan Malaysia

1. Kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan keharmonian sosial menjadi fokus utama tentang pembentukan Persekutuan Malaysia.
2. Antara matlamat pembentukan Persekutuan Malaysia ialah:



Keseimbangan kaum



Kemasukan Sarawak, Sabah dan Brunei akan menyeimbangkan penduduk Melayu dalam Persekutuan Malaysia.

Memajukan sosioekonomi

Mewujudkan satu kawasan pasaran ekonomi yang lebih luas.

Sumber tenaga manusia dan sumber asli dapat disatukan di kalangan negeri dalam persekutuan.

Sekatan cukai di kalangan negeri persekutuan dapat dihapuskan.

Usaha untuk menarik pemodal luar dapat dipermudahkan.

Taraf hidup rakyat Sarawak, Brunei dan Sabah dapat diwujudkan..

Keselamatan dan kestabilan negara



Pembentukan Persekutuan Malaysia dapat menyelamatkan Singapura daripada jatuh ke tangan komunis.

Reaksi terhadap Pembentukan Persekutuan Malaysia

Reaksi negeri-negeri yang Terlibat dalam Cadangan Pembentukan Persekutuan Malaysia

Negeri	Reaksi
Persekutuan Tanah Melayu	♣ Gagasan Persekutuan Malaysia mendapat sambutan yang menggalakkan daripada parti-parti politik di negeri-negeri Melayu setelah dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman. ♣ Walaupun terdapat perbezaan pendapat tentang cara perlaksanaan, namun penduduk Tanah Melayu secara umumnya menerima prinsip Gagasan Persekutuan Malaysia. ♣ Parti PAS menentang penyertaan Singapura dalam Malaysia kerana akan menyebabkan peratus penduduk Melayu menjadi semakin kecil. ♣ PAS juga menentang tuntutan Singapura menentukan dasar pelajarannya sendiri.
Singapura	♣ Parti Tindakan Rakyat (PETIR) pemimpin Lee Kuan Yew mengalu-alukan Gagasan Persekutuan Malaysia. ♣ Gagasan ini dapat menyelamatkan parti tersebut daripada dikuasai oleh parti-parti berhaluan kiri. ♣ Walau bagaimanapun, Barisan Sosialis yang berhaluan kiri menentang Gagasan Persekutuan Malaysia. ♣ Barisan Sosialis dan Parti Rakyat Singapura menganggap Gagasan Persekutuan Malaysia sebagai satu rancangan pihak British untuk mengekalkan pengaruhnya di rantau ini. ♣ Satu referendum telah dijadikan oleh kerajaan Singapura bagi meninjau pendapat penduduk Singapura terhadap Gagasan Persekutuan Malaysia. ♣ Hasil referendum tersebut ternyata penduduk Singapura menyokong Gagasan Persekutuan Malaysia.

Sabah	♣ Beberapa parti politik baharu ditubuhkan untuk menyampaikan pendirian rakyat terhadap Gagasan Persekutuan Malaysia.		
	Parti Politik di Sabah	Pendirian	Pendirian akhir
	Pertubuhan Kebangsaan Kadazan bersatu (UNKO)	Menyokong	Menyokong
	Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO)	Menyokong	Menyokong
	♣ Kesemua parti politik di Sabah kemudiannya menyokong gagasan dengan bergabung untuk membentuk Parti Perikatan Sabah.		
	♣ Pemimpin Parti Perikatan Sabah ialah Donald Stephens dan Datu Mustapha Datu Harun.		
	♣ Parti Perikatan Sabah yang menyokong Gagasan Persekutuan kemudian memenangi Pilihan Raya Majlis Daerah yang pertama pada tahun 1962.		
	♣ Kemenangan tersebut mewujudkan kesepakatan rakyat Sabah untuk menyertai Persekutuan Malaysia.		
	Parti Politik di Sabah	Pendirian awal	Pendirian akhir
	Parti Bersatu	Menyokong dengan syarat Sabah merdeka terlebih dahulu.	Menyokong
	Parti Demokratik	Menyokong dengan syarat Sabah merdeka terlebih dahulu.	Menyokong
	Parti Pasok Momogun	Menentang kerana Sabah perlu bersatu dengan Sarawak dan Brunei.	Menyokong

Sarawak	♣ Antara pendirian parti-parti politik di Sarawak adalah seperti berikut:		
	Parti Politik di Sarawak	Pendirian awal	Pendirian akhir
	Parti Negara Sarawak (PANAS)	Menyokong walaupun sebeginanya menentang	Menyokong
	Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)	Menentang	Menyokong
	Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)	Menentang kerana Sarawak perlu bersatu dengan Sabah dan Brunei	Menentang
	Barisan Rakyat Jati Sarawak (BERJASA)	Menyokong	Menyokong
	Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)	Menyokong	Menyokong
♣ Kesemua parti politik di Sarawak kecuali SUPP akhirnya mengambil pendirian untuk menyertai Persatuan Malaysia. ♣ Parti-parti tersebut bergabung membentuk Parti Perikatan Sarawak bagi menghadapi Pilihan Raya Majlis Daerah yang pertama diadakan pada tahun 1963. ♣ Keputusan pilihan raya tersebut dimenangi oleh Parti perikatan Sarawak iaitu 138 buah kerusi. ♣ Parti Negara Sarawak yang menarik diri daripada parti Perikatan Sarawak memenangi 59 buah kerusi. ♣ Calon bebas pula memenangi 116 buah kerusi dan SUPP juga 116 buah kerusi. ♣ Calon-calon bebas kemudian menyokong penyertaan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia. ♣ Oleh itu, pilihan raya tersebut membuktikan rakyat Sarawak mahu menyertai Persekutuan Malaysia secara demokratik.			


Brunei	♣ Sultan Omar Ali Saifuddin pada awalnya menyokong Gagasan Persekutuan Malaysia. ♣ Penentangan oleh Rakyat Brunei disebabkan mereka terpengaruh dengan Parti Rakyat Brunei pimpinan A.M. Azahari. ♣ Beliau menghasut rakyat dengan menyatakan bahawa Brunei akan menjadi jajahan sekiranya menyertai Persekutuan Malaysia. ♣ Tetapi, sebenarnya matlamat beliau adalah untuk menubuhkan kerajaan Kalimantan Utara yang menggabungkan Brunei dengan Sarawak dan Sabah. ♣ Parti Rakyat Brunei kemudian telah melancarkan pemberontakan setelah A.M. Azahari gagal untuk membawa usul menentang gagasan Persekutuan Malaysia di Majlis Undangan Negeri Brunei. ♣ Rundingan masih diteruskan hingga ke saat-saat akhir pembentukan Persekutuan Malaysia. ♣ Tetapi masalah yang berkaitan dengan hasil minyak dan keamanan Sultan Brunei dalam pelantikan sebagai Yang di Pertuan Agong masih tidak mendapat kata sepakat. ♣ Walau bagaimanapun, Brunei akhirnya menarik diri daripada menyertai Persekutuan Malaysia.
--------	--

Kesimpulan

1. Pada keseluruhannya, penduduk di Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura menerima prinsip Gagasan Persekutuan Malaysia.
2. Hanya pada peringkat awal sahaja terdapat beberapa tentangan, terutama di Sabah dan Sarawak yang berpunca daripada sikap berhati-hati rakyat dan kurangnya pemahaman terhadap Gagasan Persekutuan Malaysia yang sebenarnya.
3. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan yang usaha-usaha JJPM dan penjelasan Tunku Abdul Rahman sendiri telah berjaya menyakinkan rakyat Sabah dan Sarawak.
4. Pengunduran Brunei daripada menyertai Persekutuan Malaysia juga menunjukkan kebebasan rakyat dalam menentukan masa depan negara mereka sendiri.



Pengukuhan Minda



Reaksi Negara Jiran Indonesia

1. Indonesia pada mulanya menyokong Gagasan Persekutuan Malaysia.
2. Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia pernah mengutuskan ucapan tahniah kerana usaha untuk menubuhkan Malaysia.
3. Sikap Indonesia selepas itu berubah kerana terpengaruh dengan dakwah Parti Komunis Indonesia (PKI).
4. Sukarno, iaitu pemimpin utama Indonesia menuduh pembentukan Gagasan Persekutuan Malaysia sebagai **neokolonialis** yang diamalkan oleh Britian untuk **memperkuhkuh kuasanya di Asia Tenggara**.
5. PKI tidak senang tujuan utama pembentukan Gagasan Persekutuan Malaysia, iaitu **menyekat pengaruh komunis**.
6. Selain itu, penubuhan Malaysia juga bertentangan dengan hasrat Sukarno untuk menyatukan Indonesia dengan Tanah Melayu bagi membentuk Indonesia Raya.


Filipina

1. Selain Indonesia, Filipina juga turut menentang Gagasan Persekutuan Malaysia.
2. Filipina mendakwa Sabah adalah sebahagian daripada wilayah Kesultanan Sulu berasaskan perjanjian pada tahun 1877.
3. Pihak British tidak melayan tuntutan Filipina kerana Sabah telah diserahkan kepada British.
4. Selain itu, Laporan Suruhanjaya Cobbold and Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengesahkan rakyat Sabah telah bersetuju untuk menyertai Persekutuan Malaysia.



Pengukuhan Minda

Reaksi Negara Jiran



Reaksi Negara Barat

1. **Britain dan Amerika Syarikat** menyokong Gagasan Persekutuan Malaysia.
2. Kedua-dua kuasa besar dunia ini menganggap Gagasan Persekutuan Malaysia amat sesuai dengan **dasar ekonomi dan politik mereka**.
3. Britain juga menganggap Gagasan Persekutuan Malaysia juga akan **menyekat pengaruh** komunis di negeri-negeri tersebut.
4. Pada bulan **November 1961**, semasa pertemuan Tunku Abdul Rahman dengan pihak Britain, secara rasminya Britain bersetuju memberikan kerjasama merealisasikan Persekutuan Malaysia.



Pengukuhan Minda

Reaksi Britain dan
Amerika Syarikat



- ♣ Menyokong Gagasan Persekutuan Malaysia kerana;
 - Sesuai dengan dasar ekonomi dan politik mereka
 - Menyekat pengaruh komunis.

Perjanjian dan Pengisytiharan Malaysia

1. Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman telah mencadangkan **Gagasan Persekutuan Malaysia**.
2. Pada bulan **Julai 1961**, **Persatuan Parlimen Komanwel** menerangkan konsep Persekutuan Malaysia.
3. Hasil laporan Persatuan Parlimen Komanwel, **Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM)** ditubuhkan pada bulan **Julai 1961**.
4. JPPM berperanan memberi penerangan kepada pemimpin Sabah dan Sarawak.
5. Hasil laporan JPPM, **Suruhanjaya Cobbold** ditubuhkan pada **bulan Januari 1962**.
6. Suruhanjaya Cobbold berperanan meninjau pandangan penduduk Gagasan Persekutuan Malaysia.
7. Laporan Suruhanjaya Cobbold mendapati rakyat Sarawak dan Sabah bersetuju menyertai Persekutuan Malaysia.
8. Untuk membincangkan hak dan kepentingan Sarawak, Sabah dan Brunei untuk dimasukkan dalam perlembagaan, **Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK)** ditubuhkan pada bulan Ogos 1962.
9. Hasil laporan JAK, **20 Perkara Sabah** dicadangkan dan dimasukkan dalam perlembagaan.
10. Atas permintaan Indonesia dan Filipina, Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah meninjau semula pandangan penduduk Sarawak dan Sabah pada tahun **1963**.
11. **Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu** mendapati penduduk Sarawak dan Sabah mahu menyertai Persekutuan Malaysia.
12. Pada bulan **September 1963**, penubuhan Malaysia diisytiharkan.





Pengukuhan Minda


<i>Tahun</i>	<i>Perkara</i>	<i>Peranan/Matlamat</i>	<i>Hasil Laporan</i>
16 September 1963	Pengisytiharan Malaysia		
Ogos 1963	Suruhanjaya PBB	Meninjau semula pandangan penduduk Sarawak dan Sabah atas permintaan Indonesia dan Filipina.	Penduduk Sarawak dan Sabah berhasrat untuk menyertai Persekutuan Malaysia.
Ogos 1962	Jawatankuasa Kerajaan (JAK)	Membincangkan hak dan kepentingan Sabah, Sarawak dan Brunei untuk dimasukkan dalam perlembagaan.	20 Perkara Sabah dicadangkan dan dimasukkan dalam perlembagaan.
Januari 1962	Suruhanjaya Cobbold	Meninjau pandangan penduduk di Sarawak dan Sabah	Rakyat Sarawak dan Sabah bersetuju menyertai Persekutuan Malaysia.
Julai 1961	Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM)	Memberi penerangan kepada pemimpin Sarawak dan Sabah.	Penubuhan Suruhanjaya Cobbold.
Julai 1961	Persatuan Parlimen Komanwel	Menerangkan konsep persekutuan	Penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM).
27 Mei 1961	Gagasan Persekutuan Malaysia	Gagasan Persekutuan Malaysia dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman.	Dikemukakan dalam suatu Majlis Makan Tengah Hari Persatuan Wartawan-wartawan Luar Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura.

Pengisytiharan Malaysia pada 16 September 1963.

1. Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang akan digubal mestilah berasaskan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan hasil memorandum daripada rakyat Sarawak dan Sabah.
2. Melalui ketetapan ini, akan membolehkan rakyat Sabah dan Sarawak mengemukakan tuntutan 20 Perkara Sabah dan Sarawak.
3. Laporan JAK juga mengambil kira tuntutan 20 perkara Sabah dan Sarawak yang menjadi asas kepada Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1963.
4. Hampir semua tuntutan 20 Perkara Sabah dan Sarawak diberikan pertimbangan yang sewajarnya.
5. Hal ini ternyata mewujudkan semangat toleransi yang tinggi dan keikhlasan kerajaan Tanah Melayu untuk merealisasikan Gagasan Persekutuan Malaysia.
6. Pada 9 Julai 1963, di Malborough House, London Perjanjian Persekutuan Malaysia di tandatangi.
7. Antara isi kandungan tersebut ialah:

Isi Perjanjian Persekutuan Malaysia

- Semua urusan hal-ehwal luar adalah menjadi tanggungjawab kerajaan persekutuan.
- Agama Islam ialah agama rasmi persekutuan kecuali Sabah dan Sarawak, tetapi agama lain bebas diamalkan.
- Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan, tetapi bahasa Inggeris dan bahasa lain masih boleh digunakan.
- Bagi Sarawak dan Sabah, bahasa rasmi ialah bahasa bahasa Inggeris sehingga 10 tahun Malaysia diisytiharkan.
- Sarawak dan Sabah diberikan kuasa mengawal hal-ehwal imigresen dan perkhidmatan awam.
- Rakyat bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat taraf yang sama dengan orang Melayu di persekutuan Tanah Melayu.



Suruhanjaya Cobbold. Ahlinya terdiri daripada kiri ialah Muhammad Ghazali bin Shafie, Wong Pow Nee, Lord Cobbold (Pengerusi), David Watherston dan Anthony Abell.

8. Kesemua isi perjanjian di atas kemudiannya dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.
9. Gagasan Persekutuan Malaysia menjadi kenyataan dengan termeterainya perjanjian tersebut.
10. Pada **16 September 1963** penubuhan Persekutuan Malaysia diisytiharkan dengan rasminya.
11. Peristiwa yang bersejarah ini telah berlangsung di **Stadium Merdeka**.
12. Tunku Abdul Rahman, iaitu selaku Perdana Menteri Malaysia telah membacakan deklarasi Penubuhan Persekutuan Malaysia di hadapan Yang di-Pertuan Agong, raja-raja Melayu, Gabenor Pulau Pinang, Melaka, Singapura, Sabah dan Sarawak, menteri-menteri kabinet, diplomat asing serta wakil-wakil kerajaan yang dijemput khas.
13. Tembakan sebanyak 101 das tembakan meriam dan teriakkan "Merdeka" sebanyak tujuh kali telah dilaungkan dengan penuh semangat sebaik sahaja deklarasi tersebut selesai dibaca.

14. Dengan itu, lahirlah sebuah negara Malaysia yang berdaulat.
15. Pada masa yang sama, Sarawak, Sabah dan Singapura sama-sama mencapai kemerdekaan.
16. Malaysia terus melangkah maju ke hadapan dengan mendukung slogan ' **Bersekutu Bertambah Mutu** ' seperti yang tertera pada jata negara.



Tunku Abdul Rahman menandatangani Perjanjian Persekutuan Malaysia



Donald Stephens Ketua Menteri Sabah yang pertama membaca Pengisytiharan Malaysia di Kota Kinabalu, Sabah.


Konfrontasi dan Perdamaian

1. Sebaik sahaja Persekutuan Malaysia diisytiharkan, Indonesia dan Filipina bukan sahaja enggan mengiktirafkan Malaysia, tetapi memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia.
2. Indonesia telah melancarkan konfrontasi dengan Malaysia.
3. Tentera Indonesia telah mencerooboh di beberapa kawasan di Semenanjung Sarawak dan Sabah.
4. Walau bagaimanapun, pemimpin Malaysia dan Indonesia tetap meneruskan usaha perdamaian.

<i>Usaha-usaha</i>	<i>Huraian</i>
Rundingan Tidak Rasmi di Tokyo (Mei 1963)	♣ Rundingan antara Tunku Abdul Rahman dengan Presiden Sukarno. ♣ Persetujuan dicapai untuk membawa isu konfrontasi ke Sidang Kemuncak di Manila yang melibatkan Malaysia, Indonesia dan Filipina.
Sidang Kemuncak di Manila (Julai 1963) <pre> graph LR A[MAPIHLINDO] --> B[Malaysia] A --> C[Filipina] A --> D[Indonesia] </pre>	♣ Indonesia dan Filipina menuntut wakil PBB membuat tinjauan semula terhadap pendapat rakyat Sarawak dan Sabah untuk menyertai Persekutuan Malaysia. ♣ MAPIHLINDO (Malaysia, Filipina dan Indonesia) ditubuhkan bertujuan meningkatkan perhubungan persahabatan dan menyelesaikan pertelingkahan Malaysia-Filipina dan Malaysia-Indonesia.
Persidangan di Bangkok (Februari 1964)	♣ Dato' Abdul Razak yang mewakili Malaysia dan Dr. Subandrio yang mewakili Indonesia gagal mencapai kata sepakat berkenaan gencatan senjata.
Persidangan di Tokyo (Jun 1964)	♣ Pihak Indonesia tetap berdegil tidak mahu mengundurkan tenteranya. ♣ Malahan, Sukarno mengulangi tuduhannya bahawa Malaysia telah membelakangkan keputusan Sidang Manila. ♣ Kegagalan sidang ini menyebabkan Indonesia menambah lagi jumlah tenteranya untuk menceroboh Malaysia.

Usaha ke Arah Perdamaian Malaysia-Indonesia.

5. Selain itu, beberapa langkah lain juga diambil untuk menghadapi konfrontasi Indonesia dan Filipina ini:



6. Usaha Malaysia membuat bantahan di PBB tidak berhasil kerana Rusia yang mempunyai hubungan baik dengan Indonesia telah menggunakan kuasa pembatalnya untuk menghalang badan dunia itu melakukan sebarang tindakan terhadap Indonesia.

7. Selain itu, di sebalik keadaan yang semakin rumit, rakyat telah menunjukkan perpaduan yang kuat,

terutama rakyat Sabah dan Sarawak yang berdiri teguh di belakang Malaysia menghadapi konfrontasi tersebut.

8. Oleh itu, tindakan Indonesia memutuskan hubungan diplomatik dan melancarkan ancaman ketenteraan Malaysia merupakan sesuatu tidak sepatutnya berlaku.
9. Malaysia dan Indonesia adalah negara jiran yang serumpun, seagama dan mempunyai hubungan sejarah yang lama.
10. Sebagai negara jiran, Indonesia perlu harus menjalin hubungan baik dan tidak mencampuri urusan dalaman negara lain yang baru sahaja mencapai kemerdekaan.
11. Rundingan adalah langkah terbaik untuk menyelesaikan sebarang pertelingkahan.
12. Akhirnya, konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia semakin lemah apabila tentera Indonesia berjaya menggagalkan percubaan rampasan kuasa yang disokong oleh Parti Komunis Indonesia (PKI).
13. Persiden Sukarno yang disokong oleh PKI telah digulingkan oleh Presiden Suharto dalam peristiwa **Gestapo 30 September**.
14. Satu perjanjian damai antara Malaysia dengan Indonesia telah ditandatangani pada bulan Ogos 1966.
15. Filipina pula telah mengiktiraf Persekutuan Malaysia lebih awal, iaitu pada bulan Jun 1966. akibat perubahan pucuk pimpinan di Filipina.
16. Selain itu, laporan Suruhanjaya Cobbold dan Suruhanjaya PBB telah mengesahkan bahawa rakyat Sabah telah bersetuju untuk menyertai Persekutuan Malaysia.

Negara-negara Komanwel yang memberi bantuan ketenteraan kepada Malaysia



Pemisahan Singapura

1. Pelbagai masalah timbul apabila Singapura menyertai Persekutuan Malaysia.
2. Singapura hanya menjadi 'duri dalam daging' kepada Malaysia.
3. Pelbagai isu sensitif dibangkitkan oleh Singapura yang telah meretakkan lagi hubungan baik dengan kerajaan pusat.

Faktor pemisahan tersebut ialah:

Masalah ekonomi

- Singapura menuntut keistimewaan cukai daripada kerajaan pusat.
- Menuntut sebagai status pusat perindustrian, perdagangan dan pelabuhan bebas tidak disaingi oleh kerajaan pusat.

Konsep Malaysian-Malaysia

- Konsep yang menyarankan Malaysia adalah untuk semua yang menjadi rakyat Malaysia tanpa merujuk kepada latar belakang sejarah negara.
- Konsep ini juga menafikan institusi raja dan menentang hak istimewa orang Melayu dan bumiputera.

Pertikaian-perikatan PETIR

- PETIR menuduh MCA tidak mewakili kepentingan kaum Cina.
- PETIR telah bertanding menentang Parti Perikatan dalam pilihan raya pada tahun 1964 di Semenanjung Malaysia.

Perasaan cwig-mencwigai

- Banyak kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin PETIR telah membangkitkan sentimen perkauman.
4. Isu-isu sensitif tersebut kemudian menjadi faktor pemisahan Singapura daripada Malaysia pada tahun 1965.
 5. PETIR telah mengengapikan semangat setia dalam parti gabungannya.
 6. Malahan, PETIR yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew sering mempersoalkan dan mempertikaikan peruntukan yang telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.
 7. Lee Kuan Yew juga berhasrat mengambil alih peranan parti MCA yang mewakili kaum Cina.
 8. Oleh itu, atas pertimbangan yang sewajarnya Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman membuat keputusan untuk menyingkirkan Singapura daripada Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965.
 9. Penyingkiran Singapura daripada Persekutuan Malaysia bukanlah satu keputusan yang mudah seperti yang diperjelaskan oleh Tunku Abdul Rahman.
 10. Mengikut Tunku Abdul Rahman, selama 10 tahun beliau menjadi Perdana Menteri, inilah tugas yang paling tidak menyenangkan beliau.
 11. Tun Abdul Razak, iaitu Timbalan Perdana Menteri membuat kenyataan, iaitu, "Persekutuan Malaysia terpaksa mengeluarkan Singapura dari Malaysia walaupun dalam perasaan sedih dan dukacita kerana Singapura seolah-olah seperti duri dalam daging kita".
 12. Tunku Abdul Rahman juga merumuskan bahawa beliau mengambil tindakan tersebut kerana jika Singapura tidak dipisahkan, kemungkinan akan berlaku pembunuhan yang menggerunkan.
 13. Oleh itu, jelaslah pemisahan Singapura daripada Malaysia adalah untuk memastikan keharmonian, keselamatan dan perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Kesimpulan

1. Penubuhan Persekutuan Malaysia merupakan suatu usaha seorang yang berpandangan jauh, iaitu Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu.
2. Beliau telah digelar "Bapa Kemerdekaan Malaysia" kerana kejayaannya membawa kemerdekaan bukan sahaja Persekutuan Tanah Melayu, malahan Sarawak, Sabah dan Singapura.
3. Semangat kerjasama, setia kawan dan sikap toleransi antara pemimpin membawa kepada Gagasan Persekutuan Malaysia.
4. Pembentukan Suruhanjaya Cobbold oleh PBB membuktikan amalan prinsip demokrasi dalam penubuhan Persekutuan Malaysia.
5. Penubuhan negara Malaysia yang berdaulat wujud kerana kerelaan rakyatnya sendiri. Penubuhan ini merupakan sesuatu yang unik sukar dilakukan oleh mana-mana negara.
6. Oleh itu, kita perlu terus mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan keharmonian sosial di negara ini supaya terus berkekalan.
7. Semoga Malaysia terus melangkah ke hadapan mendukung slogan "Bersekutu Bertambah Mutu" menjadi sebuah negara maju yang disegani.

